

# BAB 6

( Penutup )

## **BAB 6**

### **PENUTUP**

### **RUMUSAN, SARANAN DAN KESIMPULAN**

#### **6.1 Rumusan**

Bab ini cuba merumuskan dan menyimpulkan analisis dalam bab-bab yang terdahulu. Juga dimuatkan saranan-saranan sekitar persoalan pengamalan adat-adat menyambut kelahiran bayi. Penulis juga mendedahkan kepercayaan masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah, Kelantan tentang pengamalan mereka terhadap adat-adat tersebut.

Dari analisis yang telah dibuat oleh penulis sepanjang kajian ini, maka bolehlah dirumuskan bahawa tahap kefahaman agama di kalangan responden adalah dari tahap sederhana dan segelintir sahaja yang mempunyai pengetahuan yang baik tentang amalan menyambut kelahiran yang dianjurkan oleh Islam. Selebihnya mereka lebih suka menerima apa sahaja yang diwarisi oleh datuk nenek mereka, walaupun kadang-kadang adat mahupun amalan yang diterima pakai oleh mereka terang-terangan bertentangan dengan ajaran Islam.

Kajian mendapati bahawa kesilapan yang kerap berlaku hanya kerana berpunca daripada kepercayaan mereka terhadap adat-adat yang sering diamalkan oleh nenek moyang mereka. Ini dapat dilihat dengan jelas pada item yang bernombor 27, 30 dan 32. Ia berpunca daripada penerapan kepada kepercayaan

nenek moyang dari turun-temurun kepada generasi selepasnya dengan bermodalkan terkena sumpahan atau bala jika berlakunya perlanggaran terhadap adat-adat yang telah diamalkan itu. Penanaman kepercayaan bahawa akan terjadinya aplikasi yang buruk jika berlakunya perlanggaran adat-adat tersebut masih bermain di benak dan minda generasi selepas mereka. Justeru kepercayaan yang sedemikian sukar dikikis dan memerlukan masa yang panjang serta daya usaha yang berterusan untuk menghapuskannya.

Sepatutnya akidah orang mu'min sunyi daripada sebarang bentuk gejala syirik dan kesan-kesannya. Ini adalah kerana ia berdiri di atas petunjuk kitab suci al-Qur'an dan Sunnah RasulNya yang murni.

Dalam menentukan ketataan dan kepatuhan diri kepada sesuatu makhluk seperti patuh kepada adat resam orang tua, kita tidak sepatusnya terkeluar daripada skop ketaataan kepada Allah sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W:

"فَلَا طَاعَةٌ فِي الْمَغْصِبَةِ إِنَّمَا الطَّاعَةُ فِي الْمَعْرُوفِ"

Maksudnya:

" Maka tiada ketaatan dalam melakukan maksiat dan sesungguhnya taat itu dalam perkara kebaikan".

(Riwāyat al-Bukhārī dan Muslim)

Justeru dalam mengamalkan sesuatu adat peninggalan orang tua, perlu juga generasi pengamal seterusnya mengetahui selok belok kandungan adat resam tersebut, kerana dibimbangi berlakunya perhambaan diri atau peribadatan yang boleh menolak penganutnya terkeluar daripada anutan agama Islam yang sebenar.

Di mana berlakunya penyelewengan akidah orang-orang jahiliyah bukan kerena

mereka mengkufuri *tauhid rububiyyah* Allah tetapi mengingkari *tauhid uluhiyahNya*. Ini dijelaskan oleh Allah sebagaimana FirmanNya:

وَإِذَا قَتَلُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلْ نَسْيَعُ مَا الْفِتْنَةُ عَلَيْهِ أَبْعَدُنَا

أَوْ لَوْ كَانَ أَبْأَوْهُمْ لَا يَعْقِلُونَ شَيْئًا وَلَا يَهْتَدُونَ

Maksudnya:

“Apabila dikatakan kepada mereka, turutlah akan apa yang diturunkan oleh Allah, mereka menjawab, bahkan kami hanya menurut apa yang kami dapat dari datuk nenek kami melakukannya. Patutkah mereka menurut sekalipun datuk mereka itu tidak faham sesuatu pun dan tidak pula mendapat petunjuk hidayah daripada Allah.”

(Sūrah al-Baqarah (2):170)

Sesetengah adat tempatan itu ada yang tidak sesuai untuk diamalkan malahan ianya terang-terang bertentangan dengan syariat Allah seperti adat “pelepas” agar membuang sial yang mungkin menimpa ibu atau bayi.

Pengkaji juga dapat merumuskan bahawa adat-adat sebelum bersalin yang melibatkan kategori adat-adat penjagaan ibu atau bayi tidak kedapatan unsur-unsur yang menunjukkan pertentangan dengan ajaran Islam. Demikianlah juga dengan penggunaan bahan-bahan yang mempunyai khasiat, ia dibenarkan jika dianggap bahawa penggunaannya ialah sebagai ikhtiar dan sebab musabab sahaja, sedangkan yang menentunya ialah Allah. Walaupun begitu, masih terdapat adat pantang larang kelakuan dan pantang larang perkataan yang boleh membawa kepada syirik dengan mempercayai sesuatu itu mampu memberi kesan secara langsung dan terlepas daripada penentuan Allah. Adat-adat yang lain dalam kategori tersebut nampaknya lebih menunjukkan kepada harus mengamalkannya.

Begitulah juga, pengkaji mendapati bahawa kategori adat-adat untuk memudahkan bersalin yang diamalkan oleh masyarakat tempatan boleh dikatakan sebagai suatu usaha persediaan awal manusia untuk menempuh saat kelahiran

dengan bergantung harapan dan permohonan penuh kepada yang Maha Berkua. Oleh sebab itu pelbagai usaha dan ikhtiar diamalkan agar mendapat perhatian, *inayah* dan rahmat dari Allah S.W.T disamping memohon kehadratNya. Justeru bertawakal bukan bermakna meninggalkan usaha kerja. Malah Allah menyuruh kedua-duanya sekali iaitu bekerja dan berusaha serta bertawakal kepada Allah sahaja. Di sinilah letaknya perbezaan di antara orang mukmin dan orang kafir. Di mana orang mukmin dan orang kafir berusaha sedaya upaya. Tetapi orang kafir bergantung di atas usahanya sahaja, sedangkan orang mukmin tidak bergantung kecuali kepada Allah sahaja. Walaupun begitu, masih terdapat amalan yang memohon selain daripada Allah agar memenuhi hajat mereka seperti yang terdapat di dalam item yang bernombor 32.

Demikian juga di dalam merumuskan amalan-amalan sunnah yang telah diadatkan oleh masyarakat tempatan merupakan suatu amalan yang murni yang patut diterapkan kepada generasi- generasi baru dengan syarat tidak menjadikan suatu amalan-amalan tersebut suatu perkara yang wajib atau mesti diamalkan oleh setiap daripada mereka. Dalam pada itu juga alangkah baiknya jika sesuatu amalan sunnah nabi itu tidak ditokoh tambah dengan perkara-perkara yang baru dan lainnya. Ini dapat dilihat melalui item yang bernombor 22, 23 dan 26.

Dalam merumuskan tahap kepercayaan tentang adat-adat kelahiran samada sebelum atau selepasnya, pengkaji mendapati kebanyakan kepercayaan tersebut lebih banyak mengarah kepada unsur-unsur *syirik* dan *khurafat* seperti yang terdapat pada item bernombor 16,17, 19, 27, 28, 29, 30, 31 dan 32. Hakikatnya segala usaha yang telah dilakukan hendaklah dinilai mengikut asal dan dengan kadar penumpuan yang diberikan. Jika tidak manusia akan tersilap dalam menentukan hukum sesuatu amalan atau adat. Tanggapan dan kepercayaan yang

menyatakan bahawa sesuatu itu mampu melindungi atau menyembuhkan dari sesuatu malapetaka atau penyakit merupakan suatu anggapan yang salah. Menolak mencegah atau menentukan adalah hak Allah semata-mata. Selain Allah adalah anasir sebab musabab yang telah diberikan Allah kepada sesetengah makhlukNya. Adalah tidak wajar masih terdapat masyarakat tempatan yang bergantung kepada anasir sebab musabab dan tidak kepada puncanya.

## **6.2 Saranan**

Cadangan-cadangan di sini dapat dikategorikan kepada dua iaitu tindakan yang perlu diambil oleh individu dan masyarakat serta pihak kerajaan.

### ***6.2.1 Peranan Individu dan Masyarakat***

#### ***6.2.1.a Penerapan Budaya Ilmu***

Seharusnya individu dan masyarakat Islam banyak membaca bahan-bahan yang boleh menjana pemikiran yang sihat kerana dengan sedemikian masyarakat akan mampu *mengspektikkan* sesuatu fakta mahupun tradisi dalam kehidupan mereka dengan menjadikan ilmu yang diperolehinya itu dapat diamalkan sejajar dengan kerelevanannya ajaran Islam yang suci.

Seharusnya juga masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah terlibat secara langsung dengan pelbagai ilmu berguna yang mampu diajarkan dan disebarluaskan kepada masyarakat sekitarnya. Islam menuntut umatnya agar belajar dari buaian hingga ke liang lahad.

Selain itu, melalui pembacaan juga seseorang itu boleh menambahkan pengetahuan dan kematangan dalam menilai sesuatu keputusan hidup yang dibuat

berasaskan kepada ilmu. Justeru, diharapkan tiada lagi muncul tanggapan yang menyamakan status ilmu *fardu 'ain* dan ilmu *fardu kifayah*.

Juga disarankan kepada para ilmuan dan sarjana agar lebih menghormati dan kritis terhadap warisan silam. Jadikan pandangan dan pendapat orang lain sebagai suatu landasan atau kesinambungan ke arah kebaikan dalam meneruskan tradisi budaya ilmu di muka bumi Allah ini.

**6.2.1.b      *Mengambil Berat Tentang Kepercayaan Yang Terdapat Di Dalam Sesuatu Adat Menyambut Kelahiran Yang Boleh Merosakkan Akidah Islamiah.***

Ibu bapa memainkan peranan yang penting di dalam proses menjadikan zuriat selepasnya benar-benar ideal. Oleh itu sebelum melaksanakan sesuatu peninggalan nenek moyang, mereka perlulah mengetahui selok belok sesuatu amalan atau adat yang diamalkannya itu agar tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam. Ini kerana Islam melarang keras umatnya dari melakukan sesuatu yang boleh memesongkan atau merosakan akidah Islam. Islam menggesa umatnya agar berhati-hati dalam semua aspek kehidupan sehingga dalam soal menyambut kelahiran pun turut diletakkan batasan dan sempadan.

Sepatutnya ibu bapa perlu mendidik dirinya terlebih dahulu dengan cara mengenal dan mencintai al-Qur'an, menelaah buku-buku agama dan sebagainya agar diteladani. Amalan sedemikian perlu dijadikan suatu amalan yang patut diwarisi oleh generasi yang akan datang.

Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk menentukan amalan-amalan atau adat-adat yang patut diamalkannya agar ianya bersesuaian dengan ajaran Islam terutamanya ketika menyambut sesuatu kelahiran. Contohnya adat

pelepas diri ibu yang telah tamat tempoh berpantang. Pelepas ini diamalkan semata-mata kerana ingin membuang sial yang terdapat pada ibu. Adat ini sepatutnya ditinggalkan kerana tiada yang sial pada setiap kelahiran bahkan ianya sebagai suatu anugerah dan rahmat ilahi kepada manusia. Sekiranya kita tidak meninggalkan adat tersebut, ada kemungkinan apabila kanak-kanak tersebut dewasa, ia pula akan mewarisi amalan tersebut. Seterusnya ia akan merosakkan akidah Islam kerana mempercayai sesuatu yang sial tanpa merujuk kepada kehendak Allah.

**6.2.1.c      *Menjauhkan Diri Daripada Melakukan Sesuatu Adat Yang Bertentangan Dengan Syariat.***

Kajian ini penulis mendapati bahawa terdapat segelintir adat yang tidak berasas dan ganjil yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada orang Islam yang lain. Contohnya adat penanaman uri. Peraturan-peraturan yang dikenakan semasa penanaman tersebut menyebabkan terpesong dari ajaran Islam. Peraturan seperti itu tidak termaktub di dalam ajaran Islam yang wajib dipatuhi oleh umat Islam. Ini adalah kerana dikhuatiri adat atau amalan tersebut mendatangkan *khurāfat*, syirik bahkan *bid'ah*. Sayugianya masyarakat tempatan menilainya terlebih dahulu sebelum mengamalkan amalan tersebut. Berfikir sebelum mengamalkan sesuatu adat atau amalan adalah dituntut oleh agama Islam.

**6.2.1.d      *Tidak Menokok Tambahkan Amalan Yang Diwarisi Daripada Amalan Sunnah Nabi.***

Ini dapat dilihat di majlis tahnik seperti berselawat, penambah selain - daripada buah kurma seperti garam, gula, asam keping dan lain-lain mengikut warisan setempat. Sepatutnya kita umat Islam menerima amalan Rasulullah

sebagaimana asal tanpa menokok tambah, ini dikhawatir suatu masa kelak masyarakat tidak dapat membezakan antara sunnah nabi dan adat dan akhirnya diamalkan tanpa menilai apakah ianya benar-benar asalnya dari sunnah atau hanya daripada norma-norma tempatan. Agama Islam adalah agama sempurna yang tidak dihinggapi kekurangan sehingga tidak perlu ditokok tambahan lagi. Justeru, sayugia sesebuah masyarakat itu menilai atau memastikan terlebih dahulu adat-adat atau amalan-amalan yang akan diterima pakai dalam kehidupan mereka seharian. Ini adalah kerana amalan merupakan lambang keimanan kepada Ilahi.

#### *6.2.1.e Peranan Ibubapa, Teman, Masyarakat Dan Pendakwah*

Adalah menjadi tanggungjawab samada ibubapa, teman dan masyarakat untuk memberi bantuan demi menjaga kebaikan bersama. Apabila melihat sesuatu kepincangan terjadi yang mampu diubahnya, maka perlulah diubah dengan menggunakan cara yang terbaik pada masa itu semoga dengan tindakan yang sedemikian dapat memperbaiki kepincangan dan kecacatan yang sedia ada pada sesuatu adat yang disambut semasa kelahiran tersebut.

Ketentuan dalam mengamalkan adat- adat sama ada sebelum atau selepas bersalin melambangkan identiti atau personaliti seseorang Islam. Kesedaran yang wujud tentang kepentingan mengetahui konsep nilai-nilai amalan Islam dalam diri masing-masing merupakan jalan yang paling selamat untuk menghadapi hari muka. Ini kerana amalan atau adat-adat yang seiring dengan kehendak Islam boleh dianggapkan sebagai kesyumulan dan kerelevan ajaran Islam yang bersesuaian dengan sifat fitrah manusia dalam merealisasikan ajaran Islam di dalam kehidupan seharian sebagai bekalan kehidupan menuju alam akhirat.

**6.2.1.f        *Bertanyakan Ahli Agama Atau Orang Soleh***

Seharusnya para ibubapa bertanggungjawab untuk bertanyakan atau dengan kata lain mendapat pengesahan terlebih awal daripada alim ulama' atau sumber yang boleh dipercayai sebelum melakukan sesuatu amalan atau adat walaupun ianya sudah sebatи di kalangan masyarakat setempat. Di mana segala teguran yang membina dari alim ulama' tentang sesuatu adat itu seharusnya diterima dengan berlapang dada.

Di samping itu kita juga perlulah menghindarkan diri daripada melakukan sesuatu amalan atau adat yang kita akui bahawa ianya benar-benar bercanggah dengan ajaran Islam. Sepatutnya kita janganlah segan dan malu untuk mengajukan sebarang kemosyikilan kepada mereka yang lebih mengetahui tentang sesuatu perkara. Begitulah juga kita tidak seharusnya takut untuk melakukan amalan atau adat yang jelas kita akui bahawa ianya benar-benar tidak bercanggah dengan prinsip atau nilai-nilai ajaran Islam yang suci.

**6.2.2    *Peranan Institusi Kerajaan***

**6.2.2.a        *Memberi Penerangan Dari Masa Ke Semasa***

Pihak kerajaan khususnya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM) hendaklah sentiasa mendedahkan situasi sebenar tentang pengamalan adat- adat yang masih diamalkan di negara khususnya di negeri-negeri yang masih mengamalkan adat resam nenek moyang mereka. Dalam hal ini pihak berwajib disarankan agar dapat memberi penerangan secara bergerak iaitu bergilir-gilir dari satu kampung ke satu kampung yang lain atau dari satu bandar ke satu bandar yang lain agar ianya lebih menyeluruh.

Bagi mengawal masalah pengamalan adat yang bercanggah dengan ajaran Islam, pihak berwajib seperti JAKIM perlulah memperbanyakkan ceramah atau forum yang menyentuh perkembangan sosial sesebuah masyarakat Melayu Islam dari masa ke semasa.

#### **6.2.2.b      *Peranan Media Massa dan Teknologi Maklumat***

Perkembangan teknologi maklumat semakin canggih dari masa ke semasa. Sesuai dengan itu, pihak berwajib seperti Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan siaran Islamnya yang khas di radio IKIM mampu memainkan peranan di dalam memberikan kesedaran dan kefahaman kepada pendengar-pendengar tentang prinsip dan konsep ajaran Islam yang suci dari masa ke semasa. Wujudnya siaran mahupun program seumpama ini akan membuka era baru dalam dunia maklumat ilmu Islam, sekaligus sebagai agen pelengkap atau tambahan kepada agen yang sedia ada.

### **6.3      Kesimpulan**

Berdasarkan rumusan dan saranan-saranan yang dinyatakan di atas, maka kita selaku umat Islam yang peka tidaklah wajar meletakkan sesuatu gambaran hukum tanpa menganalisis terlebih dahulu data-data mengenainya. Oleh itu, janganlah kita terjebak di dalam suatu golongan yang suka dan mudah menerima apa juar yang dilihat di hadapan mata tanpa menganalisis atau mempersoalkannya. Tidakkah terpampar keindahan Islam jika penganutnya mampu menganalisis suatu yang diterimanya sebelum diamalkan olehnya. Inilah yang dianjurkan di dalam ajaran Islam sebagaimana firman Allah di dalam surah al-Hujurat ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ يَتَبَاءَ قَبْلُهُ أَنْ تُصِيبُوهُ قَوْمًا  
بِجَهَالَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَى مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ

Maksudnya:

“ Wahai orang-orang yang beriman apabila datang kepada kamu suatu berita daripada orang yang fasiq maka hendaklah kamu menyelidiki terlebih dahulu dibimbangi hukuman yang kamu kenakan kepada sesuatu kaum kerana ketiadan ilmu, nescaya kamu akan menyesal di atas perbuatan kamu.”

(Sūrah al-Hujurāt (49): 6)

Justeru, sayugianya kita selaku umat Islam menilai secara mendalam di dalam menentukan sesuatu keputusan yang diambil terutama ketika mempraktikkan segala suruhan Allah dan meninggalkan larangan-larangannya dalam rangka “*Amal Ma'ruf Nahi Mungkar*” yang dianjurkan oleh Islam. Firman Allah :

وَلَئِنْ كُنْتُمْ أَمْةً يَذْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَا  
عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Maksudnya:

“ Hendaklah ada satu golongan di antara kamu yang menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada berlakunya kemungkaran, mudah-mudahan kamu beroleh kejayaan”.

(Sūrah al-Imrān (3): 104)

Berdasarkan keutamaan ini, adalah menjadikan kewajipan bersama terutamanya para ibubapa dalam memastikan segala tindak tanduk yang ditinggalkan kepada zuriatnya bebas daripada sengsara api neraka sebagaimana firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا قُوْمًا أَنفَسَكُمْ وَأَهْلِكُمْ نَارًا وَقُوْذَهَا النَّاسُ وَالْجَنَّةُ

Maksudnya:

“ Wahai orang-orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka dan bahan bakarnya terdiri daripada manusia dan batu”.

( Sūrah al-Tahrīm (66): 6 )

Berdasarkan ayat di atas pemeliharaan dan pengawalan adalah luas dan ia menyentuh persoalan moral terhadap individu dan keluarga. Ekoran dari itu, sebarang bentuk amalan atau nilai yang boleh mencemarkan moral individu atau keluarga mahupun masyarakat perlulah dijaga.

Justeru itu, dapatlah disimpulkan bahawa setiap insan yang bergelar ibu atau bapa memainkan peranan yang penting dalam proses meninggalkan amalan warisan kepada zuriat selepasnya. Ibubapa merupakan tunjang dan ikutan kepada kehidupan anak-anak dalam meneruskan penghidupan di dunia fana ini. Bahkan ibubapa juga menjadi panduan dalam menentukan perjalanan atau halatuju kehidupan anak-anak sama ada ke arah positif atau negatif.

Oleh yang demikian, kita sebagai ibubapa atau agen di dalam sesebuah masyarakat haruslah berfikiran terbuka di dalam melakukan apa sahaja demi kepentingan masa depan anak-anak dan kebahagian rumah tangga khususnya dan masyarakat amnya. Rumahtangga yang sejati akan melahirkan generasi yang berdaya ilmu dan berpotensi dari segenap sudut. Jadi, sebelum melakukan sesuatu perkara terhadap anak atau meninggalkan warisan terhadapnya, kita perlulah berfikir dengan lebih mendalam tentang kesan yang akan diterima kelak. Kita haruslah membuat pertimbangan yang sewajarnya dalam proses meninggalkan warisan kepada anak agar anak tersebut tidak akan melakukan perkara-perkara yang di luar batasan syarak.